

## **PANDUAN TUNTUTAN BAYARAN DARI STAF YANG MENDAPATKAN RAWATAN DI KLINIK PANEL BUKAN PILIHAN**

1. Sekiranya staf berada di luar Ibu Pejabat/di luar kawasan kediaman/kejadian kecemasan, staf dibenarkan mendapatkan rawatan perubatan di mana-mana klinik jika perlu. (namun terhad kepada rawatan pesakit luar sahaja tidak termasuk rawatan di Klinik Pakar dan Hospital Swasta).
2. Staf layak membuat tuntutan bagi keadaan-keadaan berikut:
  - i. Staf bertugas di luar Ibu pejabat dan ketika itu staf sakit atau ditimpa kemalangan.
  - ii. Staf sedang bercuti di kampung halaman
  - iii. Staf berada di luar lingkungan 25km daripada kawasan rumah
  - iv. Berlaku kemalangan yang boleh mengancam nyawa dan terpaksa mendapatkan rawatan di klinik yang berhampiran dengan tempat kemalangan.
  - v. Mengalami sakit yang memerlukan rawatan segera.
  - vi. Klinik yang dipilih tidak beroperasi (tutup) atau tidak beroperasi 24 jam.
  - vii. Klinik yang dipilih tidak mempunyai stok ubat berkaitan dan pesakit perlu mendapatkan surat pengesahan dari doktor klinik tersebut (bagi penyakit tertentu).
  - viii. Klinik Panel yang dilantik berjauhan daripada kawasan kediaman.
  - ix. Lain-lain kes yang dipertimbangkan oleh Unit Pengurusan Klinik Panel, Pusat Kesihatan atau Bahagian Pentadbiran (Kampus Cawangan) dengan mengambil kira kesahihan kes.
3. Tuntutan bagi rawatan staf hanya akan diluluskan setelah mendapat pengesahan daripada Ketua Jabatan PTJ masing-masing.
4. Staf yang membuat tuntutan perlu mengemukakan borang tuntutan beserta alasan menggunakan perkhidmatan Klinik Panel / Klinik Swasta bukan pilihan dan resit asal yang menyatakan jumlah harga bagi setiap rawatan dan jenis ubat.
5. Tuntutan hanya dibayar mengikut kadar harga rawatan yang telah ditetapkan oleh UiTM.
6. Sekiranya tuntutan melebihi daripada kadar yang telah ditetapkan, perbezaan harga rawatan hendaklah ditanggung sendiri oleh staf yang membuat tuntutan.
7. Segala tuntutan perlu dikemukakan ke Unit Pengurusan Klinik Panel, Pusat Kesihatan atau Bahagian Pentadbiran (Kampus Cawangan) selewat-lewatnya tiga (3) bulan dari tarikh resit rasmi. Permohonan yang melebihi tiga (3) bulan tidak akan diproses.
8. Resit hendaklah atas nama pesakit sebagaimana yang dinyatakan dalam surat permohonan.